



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG  
MELALUI PROSES JAWATANKUASA KHAS  
PENILAIAN PERKHIDMATAN PROFESIONAL KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**PERATURAN 7(a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN  
PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (MEDICAL SOCIAL WORK)  
(M.13-14 EB.15)  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 13 OGOS 2025  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 27 OGOS 2025  
BILANGAN IKLAN: 2025/AUG/02/KKS**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (MEDICAL SOCIAL WORK )**  
**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
**M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 EB KHAS \$4,330 - \$4,770 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SEMBILAN (09)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Social Work* atau bidang bersesuaian.
2. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi atau pengalaman kerja dalam bidang *Allied Health Professional* yang diiktiraf dan disahkan oleh lembaga-lembaga Profesional Kesihatan adalah kelebihan.
3. Memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk berdaftar dengan lembaga-lembaga Profesional Kesihatan jika diperlukan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab terus kepada Ketua Perkhidmatan Kebajikan Perubatan;
2. Membantu Ketua Perkhidmatan di dalam membuat penyelidikan, perancangan / strategi serta memberikan pandangan bagi memastikan perkembangan dan kemajuan perkhidmatan kebajikan perubatan akan lebih berkesan dan efisien;
3. Membuat penilaian psiko-sosial dan sosio-ekonomi pesakit termasuk menjalankan lawatan ke tempat tinggal, tempat kerja dan sebagainya;
4. Menyediakan laporan kerja sosial untuk disalurkan ke agensi-agensi yang berkenaan;
5. Memberikan kaunseling yang berkaitan isu perubatan dan kesihatan kepada pesakit dan ahli keluarga;
6. Menjalankan tugas yang berlandaskan kaedah kerja-kerja multi-disiplin bersama ahli profesional perubatan dan kesihatan yang lainnya;
7. Mengendalikan hal ehwal inisiatif *empowering strategies* untuk mengembangkan jaringan sokongan untuk para pesakit;



8. Jika berkenaan, mewakili Negara dalam menghadiri persidangan antarabangsa, mesyuarat antarabangsa, kursus atau bengkel meningkatkan profesionalisme dan sebagainya;
9. Melibatkan diri sebagai tenaga pengajar atau sebagai pendidik akademik (Academic Lecturer) jika diperlukan mengikut arahan pegawai atasan;
10. Sebagai *leader* dan *developer* kepada pegawai dan kakitangan yang di bawah tanggungjawabnya; dan
11. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa.



**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Urus Setia Bahagian Pengurusan Sumber Tenaga Manusia,  
Jabatan Pentadbiran dan Kewangan , Kementerian Kesihatan seperti  
berikut:**

|               |          |                                                                                                                                                                                                           |
|---------------|----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Alamat</b> | <b>:</b> | <b>BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER TENAGA MANUSIA,<br/>JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN,<br/>KEMENTERIAN KESIHATAN,<br/>JALAN MENTERI BESAR,<br/>BANDAR SERI BEGAWAN, BB3910,<br/>NEGARA BRUNEI DARUSSALAM</b> |
| <b>Emel</b>   | <b>:</b> | <b><a href="mailto:recruitment.ahp@moh.gov.bn">recruitment.ahp@moh.gov.bn</a></b>                                                                                                                         |
| <b>No.Tel</b> | <b>:</b> | <b>2383020</b>                                                                                                                                                                                            |